12 APRIL 2020

# Newbec

NEW WAY OF BEING CHURCH Hari Raya Paska Kebangkitan Tuhan

DIUTUS DENGAN KEGEMBIRAAN UNTUK MENYEMBUH



## Makam yang Kosong
## Meluangkan Ruang untuk Saya Berkembang

Puluhan tahun yang lalu di Gereja Hati Kudus, Sibu, seorang paderi Kongrekasi Mill Hill yang bernama Fr Marcus mengetuai sekumpulan koir dalam persembahan nyanyian pentas bertemakan Paskah yang berjudul 'Dia Sudah Bangkit.' Kebanyakan mereka yang mengambil bahagian merupakan pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah St Elizabeth dan Hati Kudus. Persembahan adalah satu kejayaan yang besar. Kemudian, satu lagi persembahan diiringi oleh Paderi tersebut diadakan di bandar Kuching juga.

Kebelakangan ini, dalam satu pertemuan semula bekas pelajar-pelajar St Elizabeth, kenangan-kenangan yang indah ini diceritakan semula. Seorang wanita berkongsi tentang penglibatannya dalam persembahan, dan bagaimana ia mempengaruhi kehidupannya. Dia menggambarkan pengalamannya dalam kata-kata ini: 'Makam yang kosong itu memberi saya ruang untuk berkembang.' Paskah telah menjadi akar yang dalam meninggalkan jejak ini, satu yang berkembang kehijauan di atas makam kosong yang membawa mesej kuasa, harapan, dan kebebasan.

Wanita itu terus berkongsi pengalamannya, 'Sebuah kelas yang kosong bermakna kita semua sudah berpisah selepas kian lama menimba ilmu dan pengetahuan. Sarang yang kosong di dalam keluarga bermakna ibu bapa kita telah memberi ruang untuk kita membesar dengan keyakinan untuk mengembara ke luar dan menghadapi masa depan kita ... dan senarai itu berlanjutan.' Itulah sikap yang patut dicontohi kerana ramai di kalangan kita, masih terdapat kekosongan dalaman yang melaung supaya diisikan dan dipenuhi. Kita cuba untuk mengisi kekosongan itu, tetapi akhirnya, tidakkah kita berperasan bahawa kita menginginikan lebih banyak lagi? Hanyalah Tuhan, melalui Tuhan yang Bangkit kita mampu mengisi kekosongan gergasi di dalam hati kita, sebagaimana Dia memberikan kita peluang-peluang untuk berkembang di dalam-Nya, dan menjadi seperti-Nya. **Kekosongan itu memberikan ruang untuk pengisian Roh Kudus.**

Apabila Alleluia berdering, marilah kita mengingati *'Setiap perbuatan berlandaskan cinta, yang dilakukan dalam Kristus dan oleh Roh, setiap karya-karya yang kreativiti - menegakkan keadilan, membuat perdamaian, menyembuhkan keluarga-keluarga, menolak goda-godaan, mencari dan memenangi persahabatan jati, kita menjadi sebahagian dalam sejarah yang mengusahakan kebangkitan Yesus dan menunggu akan penciptaan baru yang terakhirnya, dan bermain peranan sebagai tanda harapan, menuju ke arah kebangkitan yang pertama dan berarak ke yang kedua.'* (NT Wright)

Kami berdoa terutamanya untuk mereka yang bakal dibaptiskan dalam Paskah ini. Pembaptisan mereka selaras dengan kematian dan kebangkitan Kristus, sebagaimana mereka mati kerana dosa dan bangkit semula dalam kehidupan baru di dalam-Nya.

Selamat Hari Paskah! ✝

*Segala yang wujud dan bergerak dalam Gereja ... memperolehi kekuatannya dari Kebangkitan Kristus.*

\- Paderi Raniero Cantalamessa

**Bacaan Injil Harian:**

Kisah Para Rasul . 10: 34, 37-43

Mazmur. 117: 1-2, 16-17, 22-23

Kol 3: 1-4

Yohanes. 20: 1-9

**Perkataan mingguan**

**Kekosongan itu memberikan ruang untuk pengisian Roh Kudus**

EDARAN DALAMAN SAHAJA
BUL 15/2020

*Published by:* Peninsular Malaysia Pastoral Team
api@archkl.org

**GEREJA VISITATION**
85-A, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban
Tel : 06-7624468 / 7634934 / 7677542 Fax : 06-7677544
**E-MEL : serembanvisitation@gmail.com**
**Laman Web : www.visitationseremban.org**
**Paderi Paroki : Rev. Fr Xavier Andrew**
**Pembantu Paroki : Fr. Kenneth Gopal**

# TEMA TAHUN 2020
# PERMURIDAN: DIUTUS DENGAN KEGEMBIRAAN
## Tema Bulan April 2020
## Pelayanan / panggilan: Aku dambakan belas kasihan bukan pengorbanan

**WAKTU PEJABAT PAROKI**
Isnin – Jum:
8.30 pg - 5.30 ptg
Sabtu : 8.30am – 7.00 ptg
Ahad: 8.30 pg - 3.00 ptg
*Pengakuan di gereja boleh dilakukan ½ jam sebelum misa mengikut kesedian Paderi*



## *PROGRAM KAMI 11 – 19 APRIL 2020*

***EASTER SUNDAY OF THE RESSURECTION OF THE LORD :*** *Ac 10, 34a, 37-43, Ps 117, 1-2, 16ab-17, 22-23 Col 3, 1-4 Jn 20, 1-9*

***"The Day Was Made By The Lord ; We Rejoice And Are Glad, Alleluiai ! " (Psalm : 117)***

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11 | **Tiada Misa** | ***Rosary : 5.30 pm, Novena; 5.45 pm: Benediction*** <br> *Ekaristi (E)* | |
| 12 | | *Ekaristi (T)* <br> *Ekaristi (E* <br> *Ekaristi (C)* <br> *Ekaristi (BM)* | *Tiada kelas RE & RCIA* |
| 13 | | *Ekaristi* | |
| 14 | | *Ekaristi* | |
| 15 | | *Ekaristi* | |
| 16 | | *Ekaristi* | |
| 17 | | | |

***DIVINE MERCY SUNDAY :*** *Ac 2, 42-47, Ps 117, 2-4, 13-15, 22-24, 13-15, 22-24, 1 Pt 1, 3-9, Jn 20, 19-31*

***"The Day Was Made By The Lord ; We Rejoice And Are Glad, Alleluiai ! " (Psalm : 117)***

| | | | |
|---|---|---|---|
| 18 | **Tiada Misa** | ***Rosary : 5.30 pm : Novena; 5.45 pm: Benediction*** <br> *Ekaristi (E)* | |
| 19 | **Tiada Misa** | *Ekaristi (T)* <br> *Ekaristi (E)* <br> *Ekaristi (C)* <br> *Ekaristi (BM)* | *Tiada kelas RE dan RCIA* |

**Marilah kita ingat dan berdoa** untuk semua orang yang telah kehilangan nyawa mereka untuk Covid 19. Juga berdoa untuk keluarga mereka dan semua kakitangan perubatan yang berada di barisanhadapan krisis kesihatan ini.

**BERITA/ACARA BULAN APRIL 2020**

i) Pungutan Mingguan :
04 / 05 Mar : Nil
Tuhan Berkati Semua Penderma

ii) Kami mengalu-alukan derma untuk mengubahsuai Bilik Alkitab kepada ruangan Adorasi/Meditasi. Sila lakukan transaksi menggunakan perbankan atas talian buat masa sekarang

**iii) Bank Makanan PIHDM** : Terima Kasih diatas semua sumbangan yang telah diberikan kepada Bank Makanan. Untuk derma bulan Mac, Kami masih memerlukan Beras 5kg (38 pkts), sardin (84 tin), biskut (20 pkts), susu tepung (9 pkts), Milo (30 pkts), Minyak masak 2 kg (20 btls), tepung (26 pkts). Untuk maklumat lanjut sila hubungi PIHDM, John Davidson (017-6158961). Bernadette (012 2715840) Sila teruskan memberi sokongan anda

**iv) Pejabat Paroki akan ditutup pada** 1 – 14 April 2020.
Sebarang kecemasan hubungi Nathan (012 6840750) /Collins (016 3647506)

**DOAKAN JIWA YANG TELAH PERGI:**
Agatha Cheng (d.o.d : 14/3/20)
***Semoga cahaya abadi menyinari ke atas***

- **Saudara Saudari**. Keperibadiaan Allah adalah memberi dan memberi dan memberi. Yesus mati untuk kita diatas kayu salib dan tidak meminta apa-apa tetapi mencurahkan segala untuk kita semua. Ini mungkin pertama kali dalam hidup kita dimana kita mengalami Perintah Kawalan Pergerakan semasa Minggu Suci. Namun, tetaplah hati kita terbuka untuk Allah dan sentiasa berdoa kepada-Nya agar krisi yang melanda dunia in berakhir dengan segera.
**Tingkatkan keakraban anda kepada-Nya dengan berdoa, meditasi dan melakukan pengorbadan. Sentiasa berhati-hati!** biarkan keakraban itu membimbing kita untuk mengingati dan berdoa kepada semua yang telah dijangkiti dan terkesan dengan Covid-19. Saya menyarakan agar anda memilih satu hari semasa Minggu Suci untuk melakukan puasa setengah hari agar pandemic ini berhenti. Dan mungkin sepanjang Jumaat Agung!
Jangan biarkan Jiwa anda lemah. Dengan perhatian anda, anda akan mendapat hadiah yang mulia : **ketenangan**
Saya (Fr. Xavier) dan Fr. Kenneth akan sentiasa medoakan keselamatan dan kesejahteraan anda sekeluarga sepanjang musim paskah. Kami juga ingin mengucapkan selamat meyambut Paskah suci.
- **Garis panduan upacara pengkebumian semasa Perintah Kawalan Pergerakan**
Tiada doa arwah hari ketujuh di kawasa perkuburan dan rumah. Keluarga boleh melakukan doa mereka secara tertutup. Buku akan disediakan oleh Paroki untuk kegunaan keluarga.
Doa *"vigil"* dan Misa pengkebumian akan dilakukan oleh Paderi di rumah atau kawasan pengkebumian. Ini hanya terhad untuk ahli keluarga arwah mengikut arahan Kementerian Pertahan Negaara dan Menteri Kesihatan Malaysia.
Langkah berjaga-jaga (penjagaan jarak dll) perlu di amalkan
Semua upacara Perkahwinan sepanjang bulan Mac dan April dinasihatkan untuk ditunda ke suatu tarikh yang sesuai.

Siaran Langsung Misa pada Minggu Suci 9 – 12 April 2020 – Tanton siaran langsung di ***www.Tv.ArchKL.org***

Khamis Putih (09 April ) : 4 ptg : Misa (Tamil) / 6 ptg : Misa (Mand) / 8 ptg : Misa Maundy
10 pg : Saat teduh sebelum pemberkatan Sakramen
Good Friday (10th April) : 9 pg : Jalan Salib (Tamil) / 10 pg : Jumaat Agung (Tamil)
11 pa : Jalan Salib (Mand) / 2 ptg : Jumaat Agung(Mand)
2 ptg : Jalan salib (English) / 3 ptg : Jumaat agung (English)
Malam Paskah (11 April) : 6 ptg : Mass
**Hari Minggu Paskah** (12 April) : 7.30 am : Misa (Tamil) 9 am : Misa (Mandarin)
10.30 am : Misa (English) 12 tgh : Misa (Bahasa Malaysia)
Weekdays within Easter Octave : 6 ptg : Misa (English & BM)

Kepada sesiapa yang ingin memberi sumbangan kasih sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan, adalah digalakkan untuk melakukannya melalui transaksi atas talian. Butiran adalah seperti berikut;

**3121194612 (PUBLIC BANK BERHAD) - CHURCH OF VISITATION**

Sila nyatakan maklumat berikut untuk perhatian dari pejabat paroki:-
1. Amaun
2. Tujuan :
   a. Permohonan doa bagi (nama) – (arwah / kesyukuran atau permohonan khas)
   b. Sumbangan kepada paroki / Naiktaraf ruangan adorasi

Sila hantarkan slip transaksi ke alamat email paroki serembanvisitation@gmail.com